

25 JUL 2001

Uganda-Malaysia

RAKYAT MALAYSIA TABUR BAKTI DI UGANDA

Oleh: Azman Ujang

KAMPALA, 25 Julai (Bernama) -- Apabila pekerja sosial kelahiran Malaysia Sekaran Vellasamy ditugaskan ke Uganda pada 1987 untuk membantu dalam kerja-kerja kemasyarakatan, beliau menerima tugas itu dengan berat hati.

Negara timur Afrika itu pada ketika itu sedang berjuang untuk pulih daripada kemusnahan ekonomi dan sosial yang diakibatkan oleh regim Presiden Idi Amin, diktator yang berkuasa selepas rampasan kuasa pada 1971 tetapi telah digulingkan lapan tahun kemudian.

Walaupun sedar mengenai kesulitan yang bakal ditempuhinya dalam menjalankan tugasnya di negara yang berlatarbelakangkan perang saudara dan kebuluran itu, Sekaran memutuskan untuk mencubanya.

Namun sedikit pun tidak disangka bahawa Uganda yang beliau begitu sangsikan pada mulanya akan menjadi tempat yang semakin menawan hatinya, dan 14 tahun kemudiannya beliau masih berada di sini.

"Semasa saya tiba di sini, cerita-cerita mengenai kekejaman Idi Amin masih segar dalam fikiran orang ramai. Tetapi kini, Uganda adalah sebuah negara yang berkembang maju. Saya berani katakan bahawa ia adalah syurga Afrika dan sebab itu kenapa saya terus tinggal di sini," kata Sekaran kepada Bernama di sini.

Sekaran, 41, begitu bangga semasa menceritakan mengenai kerjanya dalam membantu kanak-kanak miskin Uganda menerusi projek AS\$1.2 juta Tabung Penjagaan Kanak-kanak Antarabangsa (ICCF).

Sebagai Pengarah Program ICCF selama tujuh tahun dari 1991, beliau menubuhkan Pusat Kanak-kanak yang kemudiannya telah dipilih sebagai rumah kanak-kanak terbaik Uganda, telah menjalankan imunisasi ke atas 10,000 kanak-kanak, membina klinik bergerak dan menganjurkan latihan dan seminar bagi pembantu rumah luar bandar dan bidan.

Satu lagi projek penting ialah program kesedaran AIDS kerana Uganda tidak terlepas daripada wabak AIDS yang kini merebak ke seluruh Afrika.

Dengan wang dari Agensi Pembangunan Antarabangsa Kanada (CIDA), ICCF Kanada dan ICCF Holland, Sekaran juga melaksanakan program pendidikan bagi taman asuhan kanak-kanak, sekolah rendah, menengah dan vokasional serta program celik huruf dan latihan guru di negara yang mempunyai 18 juta penduduk ini.

"Kami juga mempunyai program pertanian, menyediakan benih bermutu tinggi, benih pokok bagi pengeluaran tambahan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan memperkenalkan taman pemakanan bagi makanan seimbang lebih baik untuk keluarga," kata Sekaran, yang berasal dari Melaka.

Dan setelah memberikan sumbangannya bagi negara itu, Sekaran memutuskan empat tahun lepas untuk menjadi seorang ahli perniagaan, memanfaatkan peluang daripada hubungannya dengan pegawai kerajaan dan masyarakat perniagaan yang beliau berurusan, terutama mereka dalam bidang perubatan, pembinaan, peruncitan dan industri perkhidmatan.

Beliau kini adalah pemilik dan pengarah Nisha Distributors Ltd yang memasarkan produk buatan Malaysia, dan pengedar tunggal ayam halal di Uganda, secara usahasama dengan seorang ahli perniagaan Islam tempatan.

Ayam halal jenama "Ugachick" keluaran beliau telah memberikan pulangan AS\$1 juta setahun dan memenuhi 80 peratus keperluan ayam di pasar raya, restoran dan hotel di bandaraya Kampala.

Pada Februari, Sekaran menubuhkan Malaysian Business Centre (U) Ltd (MBC) bertujuan menggalakkan aktiviti perniagaan dan pelaburan secara

langsung antara Malaysia dan Uganda.

"Objektif MBC ialah untuk menyediakan satu wadah untuk mewujudkan lebih banyak kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan keluaran Malaysia di Uganda," katanya.

"Tujuannya ialah untuk memasarkan dan menggalakkan transaksi perniagaan efektif antara syarikat Malaysia dan pasaran Afrika pada umumnya, terutamanya di Uganda dan rantau sekitarnya," katanya.

MBC sedang mempromosikan produk keluaran lebih 200 syarikat Malaysia dan lebih 20 pengeluar seumpama itu telah melantik MBC sebagai ejen mereka di Uganda.

Produk berkenaan termasuk sarung tangan getah, kondom, makanan dan minuman, peralatan elektrik dan produk perkakasan rumah lain.

Satu daripada produk paling popular ialah pakaian bayi, satu petanda akan kuasa membeli yang semakin meningkat di kalangan keluarga sederhana di Uganda, sebuah negara pertanian dengan ekonomi utamanya ialah eksport berasaskan kopi, kapas, teh dan tembakau.

Ekonomi Uganda semakin kukuh, terima kasih kepada dasar pro perniagaan Presiden Yoweri Museveni, yang turut mengalu-alukan kepulangan beribu-ribu orang Asia yang telah dihalau oleh Idi Amin semasa beliau berkuasa.

Ahli perniagaan Asia yang dihalau itu merupakan tulang belakang masyarakat perniagaan Uganda.

"Ekonomi kami telah runtuh apabila Idi Amin mengarahkan mereka keluar dari negara ini dalam tempoh 90 hari," kata seorang pegawai kanan kerajaan.

Rish Patel, yang mengusahakan sebuah kedai cenderamata di Lapangan Terbang Antarabangsa Kampala berkata sekurang-kurangnya 5,000 ahli perniagaan Asia, kebanyakannya dari India, telah kembali.

"Tetapi kebanyakan daripada mereka pulang untuk menuntut semula harta benda mereka yang telah diambil secara paksa oleh kroni Idi Amin. Ramai juga yang telah menjual harta benda yang telah diperolehi semula itu kerana mereka telah menetap di Britain dan tempat lain," kata pegawai kerajaan itu.

Sekaran juga menantikan lawatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Uganda bulan depan, bagi menghadiri Dialog Global 2001, mesyuarat bagi menjalin usahasama pintar di kalangan negara-negara Selatan, serupa dengan siri Dialog Antarabangsa Langkawi dan Selatan Afrika.

Ahli perniagaan yang akan mengiringi Dr Mahathir bagi lawatan itu dijangka akan meningkatkan jalinan perdagangan dan pelaburan Malaysia-Uganda.

"Anda perlu datang ke sini dan lihat apa yang dapat ditawarkan Uganda," kata Sekaran mengenai negara yang bahasa Inggeris digunakan secara meluas malahan di kawasan kampung-kampung di pedalaman dan cuacanya yang sejuk seperti berada dalam bilik berhawa dingin sebagai insentif tambahan.

-- BERNAMA

AU AU RHM